

reaksi

# Politik ekstrem

**S**ebelum ini, melalui program Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diadakan di Kumpulan Media Karangkraf, anak muda daripada pelbagai parti politik senada mahu politik di masa hadapan berubah ke arah politik lebih matang.

Apa yang dimaksudkan oleh mereka ialah menolak politik ekstrem melibatkan



politik yang menanam kebencian, kepartian dan rasis.

Bagaimana pula dengan respons rakyat Malaysia yang melihat perkembangan semasa politik negara apabila masih ada ahli politik menggunakan pendekatan ekstrem?

**“ Saya tak suka dengan politik ekstrem.**

**Sepatutnya tak perlu ada politik sedemikian. Ahli politik perlu matang kerana negara maju tak memerlukan ahli politik yang ekstrem.”**

**- Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Nayli Rosli, 20**





“Sepatutnya ahli politik perlu tunjuk contoh baik kepada generasi muda yang bakal mewarisi politik tanah air. Kalau pemimpin hari ini dah tunjukkan sikap negatif, bagaimana pemimpin masa depan?”

- Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Noor Faezah Ashari, 20.

“Pemimpin dalam parti perlu didik anak-anak buahnya, kerana akhlak mereka akan mencerminkan parti dan penyokong, ibarat kepimpinan melalui teladan.”

- Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Muhammad Haziq Mardi, 22



“Amalan politik anarki tak patut berlaku. Jika kita tak suka atau tak setuju dengan pendapat seseorang pemimpin itu, boleh guna pendekatan lain, bukan dengan bertindak kasar dan cetuskan provokasi.”

- Penuntut Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Steven Yong, 21

ber  
bu  
tin  
seh  
me  
aja  
Me  
buk  
har  
ter  
dal  
- Pe  
Ahr